



**TEKS UCAPAN:**

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA:**

**PERASMIAN PROGRAM MINI KARNIVAL USAHAWAN  
DESA @ KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

**PADA:**

**02 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)**

**BERTEMPAT DI:**

**KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

### **(SALUTASI SEWAJARNYA )**

### **MUKADDIMAH**

1. Perniagaan itu merupakan keperluan asas bagi sesuatu masyarakat sejak dahulu lagi. Bahkan Rasulullah s.a.w sendiri pernah terlibat serta menguruskan perniagaan seorang hartawan iaitu Khadijah r.a sebelum memperisterikannya.
2. Begitu juga tidak kurang daripada kalangan para sahabat yang melibatkan diri dalam perniagaan seperti Abd Rahman bin ‘Auf, Uthman bin Affan dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa Islam tidak pernah menghalang aktiviti perniagaan ini bahkan menggalakkan umatnya menjadi seorang usahawan yang berdikari serta mampu mencipta keuntungan yang besar seterusnya dapat membelanjakan keuntungan tersebut pula ke jalan Allah SWT.

3. Bahkan bidang perniagaan juga dianggap oleh para ulama sebagai bidang yang paling afdal untuk diceburi. Ini kerana mereka berpandangan bahawa hasil yang terbaik adalah hasil kerja yang diusahakan sendiri oleh seseorang manusia. Ini jelas terbukti melalui hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Miqdam bahawa Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya:

*“Tidaklah seseorang itu makan daripada makanan yang lebih baik daripada hasil apa yang diusahakan oleh tangannya sendiri. Sesungguhnya Nabi Allah Dawud A.S makan daripada hasil yang diusahakan oleh tangannya sendiri”*

4. Di atas asas ini, saya telah menggesa agar usaha untuk membangun dan memperkasa usahawan desa terus menjadi agenda Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Alhamdulillah, **Majlis Perasmian Mini Karnival Usahawan Desa atau Mini KUD@Kota Samarahan** pada petang yang bersejarah ini menjadi ‘sepakan mula’ kepada KKDw dalam memulakan usaha untuk memartabatkan sosioekonomi di kawasan perdesaan di seluruh negara pada. Insya-Allah.

## **PROGRAM MINI KUD@KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

Hadirin sekalian,

5. Sepertimana kita semua sedia maklum, penganjuran Mini KUD ini merupakan siri jelajah pertama yang dianjurkan Kementerian pada tahun ini susulan penganjuran Karnival Usahawan Desa di Putrajaya pada 22 – 26 November 2023 yang menjadi acara penutup siri jelajah pada tahun lalu.
6. Penganjuran Mini KUD@Kota Samarahan pada hari ini bukan sekadar penganjuran untuk memenuhi takwim Kementerian semata-mata, tetapi ini adalah inisiatif KKDW untuk memperkasa sistem pembiayaan kewangan, kemudahan fizikal dan sistem sokongan luar bandar kepada usahawan.
7. Saya yakin, program ini mampu membuka peluang kepada semua pihak yang terlibat dalam rantai keusahawanan termasuk pengeluar, pembekal, pemborong, dan pengedar untuk menjalinkan kerjasama strategik termasuk meluaskan jaringan perniagaan.
8. Objektif utama KUD adalah menyedia platform bagi mempromosi kemudahan serta insentif yang disediakan

oleh sektor awam dan swasta dalam membantu perkembangan perniagaan usahawan desa. Kementerian juga dapat mengumpul maklumat dan mendapatkan maklum balas terkini daripada usahawan desa khasnya di bawah bimbingan KKDw, mengenai keberkesanan program pengukuhan keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

## **ASPIRASI DESA MADANI**

9. Saya amat berbangga dengan kejayaan yang telah dibawa oleh KKDw dalam konteks pembangunan infrastruktur di desa. Kini kita mampu melihat sebahagian besar kawasan desa telah mempunyai bekalan elektrik, bekalan air dan juga telah dihubungi dengan rangkaian jalan raya yang sempurna. Kita juga telah melahirkan anak-anak desa yang berjaya dalam pelbagai bidang pelajaran. Bagi mencapai tahap tersebut, Kerajaan membelanjakan berbillion ringgit bagi membangunkan kawasan dan masyarakat desa di seluruh negara.
  
10. Walaubagaimanapun, sebagai Menteri KKDw, saya mahu penambahbaikan terus dilakukan dan bergerak seiring dengan agenda dan matlamat Kerajaan Malaysia MADANI

agar kesemua kawasan desa mencapai matlamat yang dirumuskan di dalam Aspirasi Desa Makmur.

11. Untuk menjayakannya, saya telah memperkenalkan **empat (4) imperatif** baharu sebagai pemangkin gerak kerja **pembangunan desa** yang akan dicerakinkan sepanjang tahun 2024 iaitu **peningkatan kemahiran dan pengetahuan**, memastikan setiap pelaksanaan program adalah **berkesan dan cekap** di dalam penggunaan sumber-sumber sedia ada, **pemerkasaan sistem data dan digital** selaras dengan teknologi Revolusi Industri 4.0 dan pelaksanaan **program-program** baharu yang luar **dari pada kebiasaan** yang mempunyai **Wow-Factor**.
  
12. Salah satu elemen penting yang turut menjadi fokus KKDW selain daripada pembangunan infrastruktur dan pendidikan adalah **keusahawanan sebagai pemacu pembangunan ekonomi**. Dalam hal ini, saya mahu mengangkat taraf usahawan desa agar tidak tertumpu pada aktiviti ekonomi tradisional sahaja seperti bertani, menoreh getah dan nelayan kecil dan sebagainya, tetapi saya mahu lebih ramai warga desa terlibat dalam perniagaan bertaraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan mengeluarkan produk yang lebih kreatif dan berinovatif.

13. Contohnya, usahawan desa boleh memproses serai untuk dijadikan serai rincik kering, kiub pati serai dan pes masakan yang tahan lebih lama dan boleh dipasarkan bukan sahaja di dalam negara, tetapi boleh dieksport ke luar negara dan memberikan pendapatan yang lebih lumayan.

## KOMITMEN KKDW DAN AGENSI

14. Selain itu, bagi memastikan pembangunan keusahawanan desa seiring dengan dasar yang telah ditetapkan, Kementerian pada tahun ini telahpun memperuntukkan dana berjumlah lebih **RM200 juta bagi memastikan perancangan dan strategi bersepadu seperti latihan, sokongan dana dan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi perkembangan usahawan desa dapat disediakan.**

15. Kementerian akan sentiasa melipatgandakan usaha untuk membantu usahawan untuk **meningkatkan kualiti produk dan prestasi jualan agar usahawan desa dalam kategori PICO** yang rata-ratanya bermiaga bagi tujuan sara diri sahaja boleh **beralih kepada kategori MIKRO** dengan jualan tahunan boleh mencapai sehingga RM300 ribu setahun.

16. Begitu juga agensi-agensi di bawah KKDW yang turut bersama-sama memberikan tumpuan dalam usaha pembangunan keusahawanan desa. Untuk program Mini KUD@Kota Samarahan ini, saya teruja untuk mengumumkan beberapa bantuan dan inisiatif KKDW dan agensi seperti MARA, RISDA, KEMAS dan Bahagian Usahawan Desa (UD) iaitu:
- i. MARA menerusi Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) Tahun 2024 telah meluluskan bantuan kepada 39 orang penerima dari negeri Sarawak adalah berjumlah RM6,536,000.00;
  - ii. RISDA pula menerusi Program Keusahawanan Negeri Sarawak Tahun 2024 telah meluluskan bantuan kepada 537 orang penerima berjumlah RM3,832,500.00;
  - iii. KEMAS Negeri Sarawak menerusi Program Pembangunan Komuniti dan Kemahiran telah meluluskan bantuan kepada 7,606 orang penerima berjumlah RM1,407,500.00; dan
  - iv. Bahagian UD, KKDW menerusi Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) akan menyalurkan pembiayaan

kepada 6 orang penerima di Negeri Sarawak berjumlah RM889,000.00.

17. Melalui peruntukan dan bantuan yang diberikan ini, saya mahu melihat kemajuan dan potensi ekonomi desa khususnya di Negeri Sarawak dapat ditingkatkan berdasarkan kesesuaian persekitaran tempatan. Bagi memajukan industri dan ekonomi desa sebagai pemangkin ekonomi baru Malaysia, terutamanya dalam industri primer dan hiliran - KKDW akan mewujudkan insentif yang menarik untuk pelabur luar melabur di kawasan perdesaan di dalam negara.

## **CABARAN EKONOMI DESA**

Hadirin sekalian,

18. Suka juga saya ingatkan kepada usahawan yang ada, kejayaan yang datang hari ini, datang bersama komitmen yang besar. Kita telah melalui tempoh pandemik COVID-19, namun kita perlu terus berjaga-jaga dengan mengambil langkah-langkah keselamatan di dalam penjagaan kesihatan dan sebagainya. Saya juga berharap agar para usahawan akan terus cekal dan memanfaatkan peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan pihak Kerajaan.

19. Saya percaya kita sentiasa mempunyai peluang dan ruang untuk meningkatkan pencapaian sedia ada ke tahap yang lebih tinggi kerana kita mempunyai kepakaran, potensi dan kemudahan yang sentiasa berkembang. Semoga apa yang diusahakan pada hari ini membawa hasil pada masa akan datang. Usahawan yang kita bantu akan terus mengorak langkah menjadi usahawan yang lebih berjaya bukan sahaja di peringkat tempatan, tetapi juga dapat berkembang sehingga ke peringkat antarabangsa.
20. Begitu juga para usahawan, jangan mudah kalah dan mengalah, semalam adalah kenangan, hari ini adalah harapan dan besok adalah perjuangan. Manfaatkan peluang-peluang yang diberi agar kita mampu bersaing seiring dengan membangun dan memperkasakan ekonomi Bumiputera.
21. Saya ingin menyeru tuan-tuan dan puan-puan, untuk terus bersama menunjukkan sokongan dengan membeli dan menggunakan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan desa yang mempunyai mempunyai kualiti setanding barang berjenama di pasaran sedia ada.

## **PENUTUP**

22. Sebelum berakhir, saya ingin merakamkan penghargaan kepada bahagian-bahagian di Kementerian, jabatan dan agensi seperti MARA, RISDA, FELCRA, KEMAS dan PERDA serta Pejabat Residen Bahagian Kota Samarahan dan pihak Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) khasnya yang telah bersama-sama membantu KKDW menganjurkan program ini.
23. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pengunjung yang memberi sokongan sepanjang program ini berlangsung sejak semalam 1 Februari 2024 (Khamis) sehingga ke hari ini. Adalah diharapkan kehadiran pengunjung dari bandar Kota Samarahan dan sekitar akan berterusan dan memeriahkan lagi progam Mini KUD sehingga Ahad nanti.
24. Terima kasih juga kepada rakan-rakan media yang turut hadir membuat liputan sama ada melalui media cetak atau media elektronik yang sangat penting sebagai medium hebahan kepada penduduk sekitar dan juga kepada usahawan-usahawan desa yang lain mengenai program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KKDW.

25. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan suka citanya merasmikan Program Mini KUD@Kota Samarahan tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh